PERUTUSAN GABENOR

Kestabilan kewangan Malaysia terpelihara di sebalik kemerosotan yang ketara dalam keadaan ekonomi dan kewangan global pada tahun 2011. Pergolakan semula dalam pasaran kewangan pada tahun itu adalah ekoran kebimbangan pasaran yang meningkat terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah. Di samping itu, tekanan terhadap pendanaan dan kadar pemulihan ekonomi yang semakin lemah terus memberikan kesan kepada sektor kewangan ekonomi maju. Meskipun langkah yang diambil oleh penggubal dasar Eropah baru-baru ini telah memulihkan keadaan pasaran, namun cabaran besar pada masa hadapan ialah mengembalikan dan mengukuhkan kestabilan kewangan global.

Meskipun tidak terlindung daripada perkembangan yang berlaku ini, namun sektor kewangan Malaysia telah menghadapinya dengan baik. Sektor kewangan dijangka akan terus berdaya saing pada masa hadapan dan berada pada kedudukan yang kukuh untuk terus melaksanakan fungsi pengantaraan kewangan tanpa gangguan. Hal ini bukan sahaja disebabkan oleh dedahan yang terhad kepada kerajaan dan institusi dalam kawasan ekonomi euro yang terjejas, malahan disebabkan juga oleh amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang teguh. Lantaran itu, sektor kewangan negara mencatat prestasi kewangan yang teguh, keberuntungan yang berterusan, mempunyai kualiti aset yang kukuh dan kedudukan mudah tunai yang mantap. Meskipun keadaan pendanaan borong ketat sedikit, terutama sekali dalam mata wang asing, keadaan ini hanya meninggalkan kesan yang sederhana terhadap bank domestik memandangkan struktur pendanaan bank yang stabil dan mudah tunai dalam negeri yang terus berada pada paras yang mencukupi. Pasaran kewangan dalam negeri yang lebih meluas dan lebih pelbagai telah turut menyokong keadaan yang teratur meskipun mengalami aliran modal yang lebih besar dalam kedua-dua hala pada tahun tersebut.

Susulan pengenalan pelbagai langkah pada tahun 2011, nisbah hutang isi rumah Malaysia kepada KDNK telah stabil pada separuh kedua tahun itu. Langkah ini, termasuk langkah untuk mengembalikan kadar faedah pada paras yang wajar, menaikkan keperluan rizab berkanun, dan langkah kehematan makro serta penyeliaan yang rapi oleh Bank, bertujuan untuk memastikan hutang isi rumah kekal mampan pada masa hadapan. Langkah ini telah mula memberikan kesan, dan yang paling ketara ialah kesederhanaan harga harta tanah, yang merupakan komponen terbesar hutang isi rumah. Hutang kad kredit yang baharu juga telah menjadi sederhana dan disiplin dalam menilai kemampuan membayar dalam kalangan bank telah bertambah

baik. Pada tahap agregat, peningkatan hutang isi rumah terus disokong oleh keadaan asas-asas yang positif termasuk keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, pendapatan yang semakin meningkat dan pertumbuhan dalam aset kewangan isi rumah. Di samping itu, sejumlah besar hutang merupakan hutang oleh isi rumah yang mempunyai kemampuan untuk membayar. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda awal yang menunjukkan bahawa sesetengah isi rumah yang berpendapatan lebih rendah, terutamanya di kawasan bandar, menanggung hutang melebihi paras yang dianggap berhemat, lantas menyebabkan mereka lebih terdedah sekiranya pendapatan berubah secara mendadak. Bagi menangani isu ini, di samping langkah kehematan makro, pengaturan penstrukturan dan penyusunan semula hutang telah diperkenalkan oleh Bank untuk menangani keadaan tekanan, khususnya terhadap kumpulan yang disasarkan ini. Ini diperkukuh oleh program pendidikan kewangan bagi isi rumah.

Meskipun sektor kewangan Malaysia dalam kedudukan yang kukuh dengan penampan modal dan mudah tunai pada paras yang paling tinggi sejak krisis kewangan Asia serta disokong oleh keupayaan pengurusan risiko dan pengawasan yang lebih mantap, Bank akan mengekalkan tahap yang tinggi dalam pemantauan risiko, penyeliaan dan pengawalannya pada masa hadapan. Pendekatan antisipatori oleh Bank bertujuan untuk melaksanakan langkah awal terhadap kemungkinan risiko kepada kestabilan kewangan serta pada masa yang sama mengurangkan kos yang mungkin dialami oleh sistem kewangan dan ekonomi. Melangkah ke hadapan, tiga perkembangan penting yang dijangka memberikan kesan kepada kestabilan kewangan dalam negeri: (i) ketidakpastian dalam keadaan ekonomi dan kewangan global pada masa ini; (ii) kadar inovasi kewangan yang meningkat oleh institusi kewangan dalam negeri; dan (iii) penampilan sektor kewangan Malaysia yang lebih bersifat serantau dan antarabangsa.

Sebahagian besar daripada prasyarat penting dan rangka kerja sokongan bagi kestabilan kewangan sememangnya telah pun wujud di Malaysia untuk sistem kewangan konvensional dan Islam. Ini meliputi rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan yang berkesan, sistem penyeliaan yang kukuh dan pengaturan keinstitusian yang menyeluruh bagi menyokong penyelesaian hutang secara teratur, sekiranya berlaku peningkatan dalam bilangan mereka yang tidak mampu membayar hutang. Selain itu, jaring keselamatan kewangan yang berkesan yang mengukuhkan lagi insentif dalam pengurusan risiko yang mantap juga diwujudkan menerusi premium insurans deposit yang berbeza. Pelaporan kewangan dan piawaian penzahiran yang menggalakkan keyakinan pasaran dan ketelusan juga telah diperkukuh dengan Malaysia mengikuti sepenuhnya Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa mulai tahun 2012. Semua faktor ini menyumbang ke arah mengurangkan kebarangkalian dan kesan daripada kegagalan pasaran dan keinstitusian.

Memandangkan persekitaran dalam negeri, serantau dan antarabangsa yang sangat dinamik, Bank tetap menumpukan pada usaha untuk memelihara dan mengukuhkan asas-asas bagi kestabilan kewangan. Sepanjang tahun itu, usaha telah dipertingkat untuk mengukuhkan

lagi elemen teras dalam rangka kerja undang-undang dan kehematan bagi sektor kewangan. Pada tahun 2012, Bank akan mengemukakan perundangan baharu sektor kewangan kepada Parlimen yang lebih sejajar dengan pendekatan pengawalan dan penyeliaan semasa, dan menyokong penyeliaan terhadap aktiviti kewangan yang lebih kompleks. Bank juga telah mengumumkan rancangan untuk melaksanakan Basel III di Malaysia. Usaha untuk mengukuhkan pengaturan serantau bagi kestabilan kewangan juga telah mencapai kemajuan yang nyata dengan penglibatan yang aktif menerusi forum penyeliaan, inisiatif yang menggalakkan pengharmonian yang lebih tinggi dalam piawaian pengawalseliaan serta pembangunan dalam pengaturan yang dipertingkat untuk pengurusan dan penyelesaian krisis merentas sempadan. Bank juga telah memuktamadkan dua pengaturan gadaian merentas sempadan dengan bank-bank pusat di rantau ini untuk menyokong pengurusan mudah tunai yang lebih cekap oleh institusi kewangan yang mempunyai operasi di luar negara, baik dalam keadaan biasa mahupun apabila berlakunya krisis. Pada tahun ini, Bank akan menjalani Program Penilaian Kestabilan Kewangan (Financial Stability Assessment Programme, FSAP) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia.

Pengantarabangsaan kewangan Islam telah menjadi lebih pesat pada tahun 2011 meskipun pasaran kewangan global lebih tidak menentu. Sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, Malaysia telah berusaha untuk memastikan pertumbuhan kewangan Islam diberikan sokongan padu oleh rangka kerja kehematan yang kukuh, dan infrastruktur dan instrumen kewangan yang terkini untuk menguruskan risiko. Bank juga akan terus menyumbang kepada pembangunan global kewangan Islam, termasuk mengukuhkan arkitektur kewangan global menerusi penglibatan aktifnya dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Antarabangsa, bagi memastikan kestabilan kewangan, dan seterusnya kemampanan dalam sistem kewangan Islam.

Sistem pembayaran Malaysia yang stabil terus dikekalkan tanpa sebarang gangguan dalam operasi sistem pembayaran dan penyelesaian utama pada tahun 2011. Sistem pembayaran terus diperkukuh pada tahun itu dengan penambahbaikan dalam infrastruktur pembayaran utama dan pengaturan di luar jangka, di samping menerima pakai langkah baharu untuk meningkatkan keselamatan pembayaran oleh institusi kewangan. Usaha juga dipertingkat dengan nyata sepanjang tahun ini untuk menyokong pembayaran dan penyelesaian merentas sempadan dan usaha ini akan mempercepat lagi tahap integrasi kewangan serantau. Melangkah ke hadapan, peningkatan kecekapan sistem pembayaran merupakan keutamaan penting bagi Bank dan reformasi dalam penentuan harga diperlukan untuk menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik seiring dengan penambahbaikan yang berterusan dalam infrastruktur pembayaran dalam negeri dan serantau.

Pelaksanaan saranan dalam Pelan Sektor Kewangan yang dilancarkan oleh Bank pada bulan Disember 2011 juga bertujuan untuk terus menyumbang kepada kestabilan kewangan di Malaysia. Keutamaan akan diberikan pada usaha untuk menggalakkan pengantaraan kewangan yang berkesan dalam ekonomi yang sentiasa berubah, dan pembangunan pertukaran asing dan pasaran kewangan yang teratur – dua dimensi utama dalam kestabilan kewangan yang dipertanggungjawabkan kepada Bank di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009. Salah satu perkara penting daripada usaha ini ialah pembangunan sektor kewangan diiringi dengan pembangunan dan bekalan tenaga mahir bagi sektor tersebut serta pertimbangan yang teliti tentang bagaimana perlindungan pengawalseliaan perlu berkembang bagi memastikan perubahan dalam landskap perbankan dan kewangan, amalan serta model perniagaan tidak meningkatkan risiko keseluruhan kepada kestabilan kewangan.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
21 Mac 2012